

CNS8383

U GB 15-06 00216 BH511

AAB

Mahathir - Suara

MAHATHIR CADANG CHINA JADI SEBAHAGIAN DARIPADA SATU SUARA

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BEIJING, 15 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan agar China memainkan peranan lebih cergas dan menjadi sebahagian daripada Asia Timur yang bersatu dan satu suara yang berpengaruh dalam rundingan perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, suara seumpama itu perlu untuk membetulkan ketidakadilan syarat-syarat perdagangan dan pra-syarat yang dikenakan Barat terhadap negara membangun bagi barangannya memasuki pasaran.

Perdana Menteri membuat cadangan itu ketika berucap pada seminar perniagaan yang dihadiri 500 ahli perniagaan dari Malaysia dan China di Hotel China World, di sini.

Beliau berkata, Malaysia seperti juga China mendapati bahawa suasana perdagangan antarabangsa masa kini diselubungi halangan dan ketidakpastian.

"Syarat-syarat perdagangan dan pra-syarat yang tidak adil untuk memasuki pasaran yang dikenakan Barat terhadap kita sama sekali bercanggah dengan prinsip perdagangan bebas yang kononnya diperjuangkan Barat," kata beliau.

Dr Mahathir membidas negara maju seperti Amerika Syarikat kerana lebih kerap mengaitkan pelbagai syarat kepada perdagangan seperti mengaitkan status "Negara Paling Diutamakan" (MFN) bagi China kepada isu bukan perdagangan.

Beliau berkata, Malaysia berkali-kali menekankan bahawa isu perdagangan tidak harus dikaitkan dengan isu-isu bukan berkaitan perdagangan seperti hak pekerja, pengurusan hutan tropika dan lain-lain. -- Lagi.

▼15/06/19-51MST

CNS8420

U GB 15-06 00179 BH512

AAB

Mahathir - Suara 2 Beijing

Beliau kesal kerana ketika negara-negara membangun sering menjadi mangsa tiada pihak yang nampaknya mengawasi negara maju.

"Lebih buruk lagi, tiada siapa dapat mengambil tindakan apabila negara maju itu sendiri secara terang-terang melanggar etika perdagangan bebas yang diperjuangkannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, atas sebab inilah Malaysia mencadangkan supaya negara-negara Asia Timur mempunyai satu suara yang berpengaruh dalam rundingan perdagangan antarabangsa dan dalam perkara-perkara yang menyentuh kedudukan ekonominya.

Sehubungan ini, beliau melahirkan harapan agar China akan memainkan peranan utama ke arah pencapaian matlamat penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Beliau berkata, sokongan China memberi harapan yang lebih cerah melenyapkan kebimbangan sesetengah negara berhubung dengan motif di sebalik usaha-usaha ke arah itu.

Dr Mahathir menjangka bahawa tidak syak lagi China akan memainkan peranan penting dalam EAEC berdasarkan hasratnya untuk menjadi sebahagian daripada apa yang berlaku di Asia Timur; untuk berkongsi kesenangan dan kepahitan yang dihadapi Asia Timur; dan membantu mencorakkan arah aliran ke arah kesejahteraan politik dan ekonomi Asia Timur pada keseluruhannya. --  
Lagi.

15/06/20-26MST

CNS8424

U GB 15-06 00166 BH513

AAB

Mahathir - Suara 3 Beijing

Beliau menyifatkan tahap pembangunan di rantau itu sekarang sebagai "peringkat awal pembaharuan yang dramatik" dan meramal bahawa dalam beberapa dekad akan datang, sekelompok negara perindustrian moden yang meliputi dari Korea, Jepun, China, Vietnam hingga ke rantau Asean akan lahir.

Rantau itu akan mencul sebagai kuasa ekonomi yang paling mentap di dunia dan menawarkan pasaran yang terbesar, kata beliau.

Terdahulu, Dr Mahathir memuji kepimpinan China kerana menggerakkan negara itu ke arah tahap pembangunan sekarang.

Beliau berkata, kejayaan ekonomi China kini menimbulkan banyak persoalan mengenai peranannya dalam perdagangan dunia pada masa depan.

Dua majalah asing telah meramalkan bahawa China akan menjadi gergasi ekonomi sementara satu penerbitan dari dunia ketiga menyifatkan kebangkitan China sebagai kebangkitan Naga.

Dr Mahathir berkata, kejayaan ini ialah hasil dasar yang berpandangan jauh dan industri rakyat China.

Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana Malaysia dan China menjalin hubungan istimewa dalam perdagangan dua hala dan ekonomi. -- Lagi.

♥15/06/20-30MST

CNS8426

U GB 15-06 00101 BH514

AAB

Mahathir - Suara 4 (Akhir) Beijing

Hubungan ini semakin berkembang terutama sejak negara itu mula melaksanakan pembaharuan ekonomi kira-kira 15 tahun lepas.

Sehingga ini, ada lebih 37 buah syarikat dari Malaysia yang telah melabur di China sejak pelaksanaan "Dasar Terbuka" dan program permodenan untuk menarik pelaburan asing.

Beliau berkata, lebih banyak syarikat dari Malaysia sedang berunding dengan rakan kongsi dari China untuk menyertai dan melabur dalam pelbagai projek secara usahasama.

Beliau yakin bahawa inisiatif ini akan menghasilkan beberapa usahasama perniagaan demi kepentingan bersama kedua-dua negara. -- Bernama.

ARES FAZ KAM.